



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN



KADAR BAHARU JUALAN

TERNAKAN DAN HASILAN LADANG
DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR



KADAR BAHARU JUALAN TERNAKAN DAN HASILAN LADANG DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
OGOS 2022**

KADAR BAHARU JUALAN TERNAKAN DAN HASILAN LADANG DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara keseluruhan atau sebahagiannya dan dengan apa cara tanpa kebenaran bertulis penerbit.

Terbitan:

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62630 Putrajaya, Malaysia.

Tel : 6033-88702000

Faks : 603-88886021

Emel : pro@dvs.gov.my

Laman web : www.dvs.gov.my

Cetakan Pertama 2022



**KADAR BAHARU
JUALAN**
TERNAKAN DAN HASILAN LADANG
DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

ISI KANDUNGAN

Kata Pengantar	2
Prakata	3
Kata Aluan	4
Pengenalan	5-7
Senarai Kadar Harga Baharu Jualan Ternakan Dan Hasilan Ladang Jabatan Perkhidmatan Veterinar	8-14
Senarai Ahli Jawatankuasa	15-17
Galeri	18-20
Catatan	21

KATA PENGANTAR



YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan


Setinggi-tinggi syukur kehadiran ALLAH SWT kerana dengan izin-Nya, buku Kadar Baharu Jualan Ternakan Dan Hasilan Ladang di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini berjaya diterbitkan. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak serta ahli jawatankuasa yang terlibat di atas sumbangan dan komitmen yang diberikan.

Industri ternakan di Malaysia berperanan sebagai sumber protein utama negara dan menjadi salah satu industri agro makanan negara yang penting selaras dengan agenda di bawah Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021 – 2030). Walaupun *Self-Sufficiency Level* (SSL) bagi ayam dan telur adalah mencukupi pada masa ini tetapi kadar sara diri daging ruminan iaitu daging lembu/kerbau tempatan hanya mencapai 20.19% dan daging kambing/bebiri adalah 8.21% pada tahun 2021. Justeru, pelbagai strategi telah dirancang bagi meningkatkan tahap pengeluaran ternakan dan hasilan ladang tempatan.

Melalui pelaksanaan kadar baharu jualan ternakan dan hasilan ladang ini, saya yakin ia dapat merapatkan jurang harga serta memastikan persaingan sihat antara jabatan dan penternak. Tambahan lagi, baka ternakan yang dikeluarkan oleh jabatan kepada penternak adalah merupakan baka bermutu tinggi yang mampu diperolehi pada kadar harga yang lebih kompetitif.

Semoga kadar baharu ini dapat memberi manfaat kepada jabatan dan penternak dalam terus memperkukuhkan tahap sekuriti makanan negara agar lebih berdaya tahan dan lestari.

PRAKATA



Dr. Akma binti Ngah Hamid
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Kadar Baharu Jualan Ternakan dan Hasil Ladang dan Institusi di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) selaras dengan Perenggan 6.2, Pekeliling Perbendaharaan WP 10.1.

Asas pertimbangan dalam penyediaan harga baharu ini adalah kerana harga jualan pada tahun 2012 tidak lagi sesuai diguna pakai. Harga lama terlalu rendah daripada harga pasaran semasa serta menimbulkan persaingan kepada penternak dan pengusaha.

Harga baharu telah mengambil kira purata harga pasaran semasa di semua negeri iaitu anggaran pemotongan 30% daripada purata harga pasaran semasa bagi beberapa kategori jualan. Perangkaan ini merupakan inisiatif dan sokongan jabatan kepada industri penternakan. Selain itu, harga jualan baharu yang dicadangkan adalah bagi mengelakkan persepsi umum bahawa kualiti ternakan baka yang dikeluarkan oleh Jabatan adalah tidak setanding dengan kualiti ternakan baka yang dijual oleh pembekal ternakan hidup.

Jabatan memberi keutamaan kepada perkhidmatan yang berkualiti dan berkeadilan bagi memastikan kepentingan penternak dan industri sentiasa terpelihara.

Akhir kata, tahniah diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam penyediaan Kadar Harga Baharu Jualan Ternakan Dan Hasil Ladang Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Semoga harga baharu yang diluluskan ini dapat memberi manfaat kepada jabatan, penternak dan orang awam.

KATA ALUAN



Dr. Saifullizam bin Abd Kadir

Pengarah

Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan

Semakan semula harga jualan semasa ternakan Jabatan dilaksanakan bertujuan untuk menghasilkan kadar harga baharu yang boleh diguna pakai oleh semua ladang dan institusi jabatan.

Harga baharu yang diluluskan ini masih rendah berbanding harga pasaran semasa. Oleh itu, kadar baharu ini dijangka tidak akan membebankan penternak dan dapat menjadi pemangkin kepada perkembangan industri penternakan negara.

Tambahan lagi, harga baharu ini dijangkakan akan mengurangkan persaingan dengan penternak yang mengusahakan ladang pembiak dengan perbezaan harga yang tidak ketara.

Maka dengan itu, harga baharu ini dijangka dapat menambahbaik kutipan hasil Kerajaan. Sekalung penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penyediaan Kadar Harga Baharu Jualan Ternakan Dan Hasilan Ladang Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



PENGENALAN

Harga jualan ternakan semasa yang sedang diguna pakai adalah berasaskan harga jualan ternakan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada tahun 2012 bagi tujuh (7) kategori jualan ternakan.

Satu Jawatankuasa Penilaian Semula Kadar Harga Baharu Jualan Ternakan dan Hasil Ladang Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah ditubuhkan bertujuan untuk menyemak semula harga jualan semasa dan seterusnya mencadangkan harga jualan baharu ternakan dan hasil ladang dengan penambahan kategori haiwan.

Jawatankuasa Penilaian Semula Kadar Harga Baharu Jualan Ternakan dan Hasil Ladang Di Bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar ini dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan dianggotai oleh wakil-wakil Bahagian Pembangunan Industri Ternakan, Bahagian Regulatori Veterinar, Bahagian Penyelidikan Veterinar, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak dan diselaraskan oleh Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



Penilaian harga ternakan lembu, kerbau, kambing dan bebiri dilaksanakan melalui maklumat data statistik bulanan harga jualan ternakan hidup *ex-farm* yang diperolehi daripada penternak ladang fidlot dan integrasi di seluruh Semenanjung Malaysia.

Bagi komoditi ternakan seperti ayam, itik, puyuh dan hasilan ladang lain, penilaian harga adalah melalui soal-selidik yang dilakukan kepada penternak dan penjual komoditi berkenaan.

Harga jualan semasa yang disemak semula adalah bagi kategori haiwan berikut;

- i Lembu Pedaging
- ii Lembu Tenusu
- iii Kambing/Bebiri
- iv Rusa
- v Ayam
- vi Itik
- vii Puyuh
- viii Kuda

Berdasarkan perkembangan semasa, Jawatankuasa Penilaian juga mencadangkan harga jualan bagi kategori baharu ternakan dan hasilan ladang iaitu;

- i Kerbau pedaging/ tenusu
- ii Keldai
- iii Arnab
- iv Burung Unta
- v Haiwan Makmal
- vi Semen dan Embrio Beku

Bagi tujuan memberi sedikit insentif kepada industri penternakan, jawatankuasa juga telah mencadangkan anggaran pemotongan tiga puluh peratus (30%) daripada purata harga pasaran bagi beberapa kategori jualan mengikut kesesuaian. Cadangan ini telah dipersetujui semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPT) Jabatan Bil. 4/2021.

Berkuatkuasa 11 April 2022, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah meluluskan Kadar Baharu Jualan Ternakan dan Hasilan Ladang Di bawah Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Kelulusan ini adalah selaras dengan Perenggan 6.2, Pekeliling Perbendaharaan WP 10.1.

Harga baharu jualan ternakan dan hasilan ladang adalah seperti di **muka surat 8 sehingga 14**.



KADAR BAHARU JUALAN TERNAKAN DAN HASIL LADANG BAGI SEMUA LADANG DAN INSTITUSI DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

01 >>> Lembu Pedaging

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Baka pembiak	Jantan	12 - 24	kg	16.00
	Betina	18 - 24		15.00
Asing Singkir Terancang	Jantan & Betina	-		10.00
Singkir Kecemasan	Jantan & Betina	-		5.00

02 >>> Lembu Tenusu

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Baka pembiak	Jantan	18 - 30	kg	19.00
	Betina	18 - 24		18.00
Asing Singkir Terancang	Jantan & Betina	-		12.00
Singkir Kecemasan	Jantan & Betina	-		6.00

03 >>> Kambing Dan Bebiri

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Baka pembiak	Jantan	10 - 12	kg	21.00
	Betina	10 - 12		19.00
Asing Singkir Terancang	Jantan & Betina	-		15.00
Singkir Kecemasan	Jantan & Betina	-		10.00

04 Kerbau Pedaging Dan Tenusu

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Baka pembiak	Jantan	6 - 24	kg	11.00
	Betina	18 - 30		9.00
Asing Singkir Terancang	Jantan & Betina	-		6.00
Singkir Kecemasan	Jantan & Betina	-		5.00

05 Rusa

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Baka pembiak	Jantan	24 - 144	kg	40.00
	Betina	-		30.00
Asing Singkir Terancang	Jantan & Betina	-		21.00
Singkir Kecemasan	Jantan & Betina	-		28.00

06 Kuda Dan Keldai

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Colt	Jantan	2 - 4	ekor	3,600.00
Filly	Betina	2 - 4		3,100.00
Stallion	Jantan	5 ke atas		4,800.00
Mare	Betina	5 ke atas		4,600.00



07 Arnab

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	JANTINA	UMUR (BULAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Baka pembiak	Jantan & Betina	1 - 2	ekor	50.00
		3 - 5		120.00
Asing Singkir Terancang	Jantan & Betina	6 ke atas		200.00
		-		7.00

08 Ayam Penelur Komersial

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Telur Sajian Gred A	biji	0.20
Telur Sajian Gred B		0.19
Telur Sajian Gred C		0.18
Telur Sajian Gred D		0.17
Telur Sajian Gred E		0.16
Telur Ayam Penelur Takai (retak, herot, rosak dan sebagainya)		0.05
Ayam Penelur Tua (Jualan Hidup)	kg	1.50
Ayam Penelur Cacat, Cedera Yang Mudarat (Jualan Hidup)		1.00

09 Ayam Pedaging

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Jualan untuk Daging (Jualan Hidup)	kg	3.20
Jualan untuk Daging (Jualan Bersih)		5.50
Ayam Daging Cacat, Cedera Yang Mudarat (Jualan Hidup)		1.50

10 Ayam Kampung Kacukan

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Telur Ayam Kampung	biji	0.50
Telur Ayam Kampung Takai (Retak, Herot, Rosak Dan Sebagainya)		0.10
Jualan Anak Ayam Kampung Umur Sehari	ekor	1.50
Ayam Kampung Takai Muda (Jualan Hidup)	kg	5.00
Ayam Kampung Takai Tua (Jualan Hidup)		2.00
Ayam Kampung Cacat, Cedera Yang Mudarat (Jualan Hidup)		1.00

11 Puyuh Baka IKTA (GPS)

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Telur GPS Puyuh IKTA bernas untuk baka (<i>Parent-stock</i>)	biji	0.40
Telur Puyuh GPS IKTA tidak digunakan untuk penetasan		0.05
Telur Puyuh IKTA GPS Takai (retak, herot, rosak dan sebagainya)	ekor	0.03
Jualan Anak Puyuh IKTA Umur Sehari (<i>Parent-stock</i>)	kg	1.00
Puyuh GPS IKTA Takai Muda (Jualan Hidup)		4.00
Puyuh GPS IKTA Takai Tua (Jualan Hidup)		2.00
Puyuh GPS IKTA Cacat, Cedera Yang Mudarat (Jualan Hidup)		1.00



12 Puyuh Daging Komersial

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Puyuh Daging Komersial (Jualan Hidup)	kg	6.00
Puyuh Daging Komersial (Jualan Bersih)		12.00
Jualan Puyuh Daging Cacat, Cedera Yang Mudarat (Jualan hidup)		1.00

13 Puyuh Baka Penelur (PS)

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Telur Puyuh Baka Penelur bernas untuk anak puyuh penelur komersial	biji	0.30
Telur Puyuh Baka Penelur tidak digunakan untuk penetasan		0.05
Telur Puyuh Baka Penelur takai (Retak, Herot, Rosak Dan Sebagainya)		0.03
Jualan Anak Puyuh Komersial Umur Sehari	ekor	0.40
Puyuh Baka Penelur Takai Muda (Jualan Hidup)	kg	4.00
Puyuh Baka Penelur Takai Tua (Jualan Hidup)		2.00
Puyuh Baka Penelur Cacat, Cedera Yang Mudarat (Jualan Hidup)		1.00

14 >> Itik Pedaging Dan Penelur

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Telur	biji	0.45
Anak Itik (Umur Sehari/ DOD)	ekor	3.50
Itik Tua (Jualan Hidup)	kg	3.50
Itik Tua (Jualan Bersih)		6.30
Itik Dewasa (Jualan Hidup)		7.35
Itik Dewasa (Jualan Bersih)		10.15

15 >> Burung Unta

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Telur tidak dieram (discarded) / tidak bernas / retak	biji	20.00
Telur bernas		80.00
Anak burung Baka (4-12 minggu, jantan & betina)	ekor	600.00
Daging	kg	35.00



16

Haiwan Makmal

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UMUR	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Ayam SPF (Jantan & Betina)	Day Old Chick (DOC)	ekor	6.00
	dewasa (18 minggu)		50.00
Telur SPF	0 hari	biji	5.00
Argus (Jantan & Betina)	< 3 Minggu	ekor	33.00
	> 3 minggu - 3 bulan		60.00
	dewasa (> 3 bulan)		88.00
Tikus Putih (Mencit) (Jantan & Betina)	< 3 Minggu		2.00
	> 3 minggu - 3 bulan		12.00
	dewasa (> 3 bulan)		13.00
Arnab (Jantan & Betina)	< 3 Minggu		40.00
	> 3 minggu - 3 bulan		60.00
	dewasa (> 3 bulan)		190.00
Tikus Putih (Sprague Dawley) (Jantan & Betina)	< 3 Minggu		4.00
	> 3 minggu - 3 bulan		18.00
	dewasa (> 3 bulan)		30.00

17

Semen & Embrio Beku

JENIS JUALAN (TERNAKAN)	UNIT	KADAR BAHARU JUALAN (RM)
Semen Beku	straw	30.00
Embrio Beku		1,000.00

SENARAI AHLI JAWATANKUASA

BAHAGIAN PEMBANGUNAN GENETIK & TEKNOLOGI PENTERNAKAN

Bahagian Pembangunan Genetik&Teknologi Penternakan, IPPV

Dr. Saifullizam bin Abd Kadir (Pengerusi Jawatankuasa)

Pn. Shariffah binti Nazari

Dr. Emelia Aini binti Kamaruzzaman

Dr. Noorazrena binti Abdul Aziz

Dr. Nursyahirah binti Azman

Dr. Norisal binti Nasai

Dr. Siti Nadhirah binti Latif

Institut Biodiversiti Veterinar Kebangsaan

En. Mohd Hafiz bin Abd Rahman

Dr. Nurhidayati binti Sabuan

Pusat Ternakan Haiwan Tersat

Dr. Shazlina binti Dollah

Dr. Hafizah binti Mohamad Zawawi

Pusat Ternakan Haiwan Chalok

Dr. Nabilah binti Hussin

Pusat Ternakan Haiwan Ulu Lepar

Dr. Sangeetha A/P Sarvananthan

Pusat Ternakan Haiwan Lenggong

Dr. Nurul Aizzati binti Nadri

Pusat Ternakan Haiwan Pondok Tanjung

En. Shuhaini bin Asnan

Pusat Ternakan Haiwan Gajah Mati

Dr. Siti Nabila Farhana binti Halim

Pusat Ternakan Haiwan Jelai Gemas

Pn. Normah binti Mohd Din

Pusat Ternakan Haiwan Kg Pah

Dr. Mohamad Salim bin Tahir

Pusat Ternakan Haiwan Air Hitam

Dr. Pavithran A/L Puvipalachandran



BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

Dr. Nurul 'Ain binti Ahmad

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Bahagian Pembangunan Modal Insan

Dr. Norhana binti Ayob

Institut Veterinar Malaysia

Dr. Zul Edham bin Wagiman

Dr. Mas Ayu Suraya binti Abd Rahman

Institut Teknologi Unggas, Melaka

Dr. Noraini binti Ab Rahman

Dr. Marni binti Mohamad

Institut Veterinar Wilayah Timur (IVWT)

Dr. Hamidah binti Helman

BAHAGIAN PENYELIDIKAN VETERINAR

Bahagian Penyelidikan Veterinar

En. Zaini bin Che Mamat

Institut Penyelidikan Veterinar

Dr. Nurul Hafizah binti Faisal

Dr. Nurshuhada binti Abdul Hamid

BAHAGIAN REGULATORI VETERINAR

Dr. Zarina binti Mohamed

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Seksyen Kewangan dan Akaun

En. Maswan Safuan bin Mansor

Seksyen Pengurusan Aset

En. Zaki bin Mohamad Amin

LADANG INFOTERNAK SUNGAI SIPUT (U)

Dr. Nor Aniskha binti Mat Yunus



URUSETIA: BAHAGIAN PEMBANGUNAN GENETIK & TEKNOLOGI PENTERNAKAN

En. Zakaria bin Abdullah
Pn. Norashikin binti Khairuddin
En. Mohammad Amin bin Abd Aziz



GALERI



Gambar 1 : Pusat Ternakan Haiwan Gajah Mati



Gambar 2: Pejantan Mafriwal di Pusat Ternakan Haiwan Air Hitam



Gambar 3: Lembu baka Brahman di Pusat Ternakan Haiwan Ulu Lepar



Gambar 4: Pusat Ternakan Haiwan Chalok

Gambar 5: Pusat Ternakan Haiwan Kg Kuala Pah



Gambar 6: Lembu baka Kedah Kelantan di Pusat Ternakan Haiwan Jelai Gemas



Gambar 7: Rusa baka Timorensis di Pusat Ternakan Haiwan Lenggong

Gambar 8: Kambing baka Boer di Pusat Ternakan Haiwan Pondok Tanjung



Gambar 9: Lembu baka Kedah Kelantan di Pusat Ternakan Haiwan Tersat



CATATAN



**KADAR BAHARU JUALAN TERNAKAN DAN HASILAN LADANG
DI BAWAH JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**



**Bahagian Pembangunan Genetik dan Teknologi Penternakan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62630 Putrajaya.

Tel: 03-88700 2000 | Faks: 03-8888 5631 | Emel: pro@dvs.gov.my



www.dvs.gov.my



[veterinarmalaysia](https://www.facebook.com/veterinarmalaysia)



[DVSMalaysia](https://twitter.com/DVSMalaysia)



[dvsmalaysia_official](https://www.instagram.com/dvsmalaysia_official)